



SIARAN AKHBAR

PROJEK PEMANGKIN MYDIGITAL PEMUDAH CARA INOVASI TEKNOLOGI SEKTOR-SEKTOR UTAMA

PUTRAJAYA, 11 OGOS 2022 – Pasukan Petugas Projek Pemangkin MyDIGITAL (CPTF) terus menyokong inovasi sektor swasta selaras dengan misinya untuk memudah cara pelaksanaan dan penggunaan teknologi digital. Sejak mesyuarat CPTF pertama diadakan pada April 2022, dua inisiatif berikut telah dilaksanakan:

i) **TEKNOLOGI DRON DALAM PERTANIAN**

- Bagi menggalakkan pertanian jitu (*precision farming*), jangka waktu proses kelulusan Sijil Kerja Keudaraan (AWC) bagi operasi penyemburan dron pertanian mensasarkan pengurangan sebanyak 50% melalui pelan penambahbaikan.
- Ini dilakukan dengan kerjasama MyDIGITAL Corporation, Kumpulan Aerodyne, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) dan Pasukan Petugas Khas untuk Memudahkan Perniagaan (PEMUDAH).

ii) **ROBOT BERAUTONOMI**

- Sebagai satu inisiatif untuk sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Intel akan memperkenalkan Robot Berautonomi (*Autonomous Moving Robots* atau AMR) untuk mempromosikan kerjasama antara manusia dan sistem robot.

Berikutan itu, mesyuarat CPTF kedua yang diadakan pada 9 Ogos 2022 bersetuju bahawa penyelesaian pintar seperti Lebuhraya Pintar dan Mobiliti Pintar akan digunakan dalam sektor Pengangkutan dan Logistik bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya, mengurangkan kesesakan dan menyediakan pengalaman mobiliti yang lancar kepada pengguna jalan raya.

Pada separuh pertama 2022, Lebuhraya PLUS telah merekodkan secara purata kira-kira 1.5–1.8 juta pengguna harian dan 6,122 kemalangan. Memandangkan terdapat peningkatan pengguna jalan raya sejak kebelakangan ini, keperluan penggunaan teknologi digital untuk menguruskan aliran trafik menjadi lebih penting. PLUS, dengan kerjasama Celcom Axiata Berhad, akan memanfaatkan platform CPTF untuk mengenal pasti dan menangani isu-isu berkaitan pelaksanaan teknologi ini secara berkesan, seterusnya membuka jalan kepada pembangunan lebuhraya yang lebih selamat untuk rakyat.

CPTF juga menyokong dan memudah cara penggunaan kenderaan elektrik (EV) di Malaysia, selaras dengan agenda Agenda Nasional Negara untuk mentauliahkan 10,000 Stesen Pengecas EV menjelang 2025 bawah Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB) 2021-2030.

Menurut **YB Dato' Sri Mustapa Mohamed**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan Pengerusi Bersama CPTF: “Saya gembira melihat CPTF memainkan peranan penting dalam memacu dan menjadi pemangkin dalam penggunaan teknologi di Malaysia dalam pelbagai sektor. Kami telah mencadangkan beberapa siri perbincangan dan bengkel untuk mewujudkan satu rangka kerja yang boleh dilaksanakan dengan sistematik. Beberapa isu yang menyentuh bahagian dasar akan dikemukakan kepada Kabinet untuk perbincangan lanjut bagi memastikan penyelesaian merentasi pelbagai kementerian, sektor industri dan teknologi dapat dicapai.

“Sememangnya wujud cabaran yang perlu diselesaikan dan CPTF akan memastikan Projek Pemangkin ini dapat memberikan tumpuan sepenuhnya dalam menyelesaikan masalah berkenaan dengan dasar dan kawal selia dalam sektor-sektor utama yang menjadi tumpuan supaya laluan dapat dibuka dengan mudah dan dapat dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat lain dalam sektor berkenaan untuk terus berkembang.”

Tan Sri Jamaludin Ibrahim, Ahli Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) dan Pengerusi Bersama CPTF berkata: “Projek Pemangkin bawah MyDIGITAL adalah usaha Perkongsian Awam-Swasta (PPP) yang menyaksikan sektor swasta menerajui dan membiayai projek yang perlu dipercepatkan. Pengenalpastian sektor oleh CPTF adalah langkah pertama untuk mewujudkan rangka kerja yang boleh dilaksanakan. CPTF mengharapkan rangka kerja yang terbentuk ini mampu menjadi “*game changer*” dan menggalakkan

pertumbuhan besar dalam pengangkutan dan logistik melalui teknologi. Saya optimistik bahawa kita akan dapat menyebarkan penggunaan rangka kerja seperti ini ke sektor-sektor yang lain dan mendorong syarikat-syarikat untuk terus berinovasi. Kami menggalakkan sektor swasta untuk memanfaatkan platform CPTF bagi menyelesaikan cabaran projek yang dihadapi, dan menyumbang kepada aspirasi MyDIGITAL.”

Projek Pemangkin MyDIGITAL adalah inisiatif proaktif oleh Kerajaan Malaysia melalui PPP bagi mempercepatkan transformasi digital dan teknologi ekonomi Malaysia. Ia membuka jalan untuk satu masa depan di mana sektor awam dan sektor swasta bekerjasama dalam menangani pelbagai isu melalui penyelesaian teknologi bagi memastikan kemantapan ekonomi negara.

TAMAT